

SEMAKAN SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN MENGIKUT TURUTAN

Nama Penerima Biaya : XXXXXXXXXXXXXXX
Nombor Kad Pengenalan : XXXXXXXXX
Institusi : Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah

Bil	Perkara	Untuk kegunaan PTPTN
DOKUMEN PERJANJIAN		
1	Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan	2 Salinan
2	Akuan Penerimaan	2 Salinan
3	Surat Kebenaran 1, 2 dan 3	2 Salinan
4	Perjanjian Pembiayaan Pendidikan	2 Salinan
5	Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan - Ditandatangani ringkas oleh Penerima Biaya di setiap muka surat.	2 Salinan
6	Lampiran A - Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian	1 Salinan
DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN		
-Dokumen sokongan perlu disediakan dan disusun sepertimana yang dinyatakan di dalam Senarai Semak. Hanya satu (1) salinan dokumen sokongan diperlukan. -Salinan dokumen sokongan hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas BERSAIZ A4 berwarna putih dan TIDAK PERLU DISAHKAN. -Setiap salinan dokumen sokongan hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "Kegunaan PTPTN Sahaja".		
2	Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT	1 Salinan

" Permohonan Pembiayaan PTPTN yang diluluskan adalah kelulusan bersyarat. PTPTN berhak untuk membatalkan kelulusan tawaran pembiayaan sekiranya berlaku ketidakpatuhan syarat kelayakan masuk ke IPT (sila rujuk syarat kelayakan masuk dengan pihak IPT), terdapat perbezaan maklumat permohonan dan tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa ketika sesi semakan dan penyerahan dokumen tawaran kepada PTPTN "

Untuk kegunaan PTPTN sahaja:

STATUS PERMOHONAN: TERIMA / TOLAK



Catatan: _____

Disemak oleh (Pegawai PTPTN):

.....
 (Nama Pegawai & Cop Rasmi Jawatan)

Tarikh: / /

Panduan Pelajar :

1. Diwajibkan guna **pen berwarna HITAM DAN BIRU** sahaja.
2. Disaran menggunakan **kertas A4** sekurang-kurangnya beratnya **70gsm atau 80gsm.**
(***Dokumen perjanjian PTPTN - 2 set***)
3. Setem Hasil RM10.00 (2 keping untuk 2 set dokumen) hanya perlu **dilekatkan sahaja** pada ruangan di muka surat 6.
4. Saksi pelajar di muka surat 7, boleh dapatkan tandatangan Saksi oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas/Penghulu/JKKK/Pen. Pendaftar UniSHAMS.
5. Semua **Dokumen Perjanjian PTPTN dan Dokumen Sokongan** hendaklah disusun mengikut urutan. (***Sila rujuk Lampiran Dokumen Perjanjian PTPTN.***)
6. Tempoh hantar dokumen perjanjian PTPTN kepada Pejabat PTPTN Cawangan Negeri berdekatan mulai **14/1/2021 hingga 20/1/2021.**
7. **Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Penajaan di talian 04-4155102/5105**



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8
Telefon:03-2080 4455
Faks:03-20986589
Laman Web: www.ptptn.gov.my
Aduan: http://icare.ptptn.gov.my

XXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXXXXXX
XXXXX.

NOMBOR SURAT TAWARAN : XXXXXXXX

TARIKH : 08/09/2014

↓
Tarikh surat tawaran/kelulusan

SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berasaskan kaedah Ujrah (Upah). Maklumat tawaran seperti berikut:

(i)	INSTITUSI	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MUÁDZAM SHAH
(ii)	JURUSAN	SASTERA
(iii)	KURSUS /PROGRAM	SEPENUH MASA-DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL DAN PERKHIDMATAN MAKANAN HALAL
(iv)	JENIS PENGAJIAN	SEPENUH MASA
(v)	PERINGKAT PENGAJIAN	DIPLOMA SEPENUH
(vi)	TEMPOH PENGELUARAN PEMBIAYAAN	MASA 6 SEMESTER
(vii)	PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN	RM 24,000.00
(viii)	TEMPOH BAYARAN BALIK	15 TAHUN
(ix)	UPAH PENGURUSAN PEMBIAYAAN	RM 3,600.00 <small>(PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)</small>
(x)	ANSURAN BULANAN	RM 153.33 SELAMA 180 BULAN
(xi)	CARA BAYARAN BALIK	PENERIMA BIAYA YANG BERKERJA HENDAKLAH MEMBAYAR ANSURAN BULANAN MELALUI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI PTPTN BERHAK MENGUBAH CARA BAYARAN BALIK DENGAN MEMBERI NOTIS BERTULIS KEPADA TUAN/PUAN

2. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan Dokumen Perjanjian dan kembalikannya bersama-sama dokumen sokongan kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh surat ini. Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak dikembalikan dengan lengkap dalam tempoh tersebut, tawaran ini boleh dibatalkan oleh PTPTN atas budi bicara mutlakny.

3. Walau apa pun peruntukan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan tertentu dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPTN juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

**(HASRUL NIZAM BIN CHE
HASHIM)** b.p. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional



960105025203



04441462

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

"Dana Pendidikan Pemangkin Pembangunan Negara"

1/14



AKUAN PENERIMAAN

NAMA PENERIMA BIAYA XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

NOMBOR KAD PENGENALAN XXXXXXXXXXXX

KURSUS / PROGRAM SEPENUH MASA-DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL DAN PERKHIDMATAN MAKANAN HALAL

INSTITUSI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MUÁDZAM SHAH

NOMBOR SURAT TAWARAN XXXXXXXXXXXX

TARIKH SURAT TAWARAN Rujuk muka hadapan surat tawaran PTPTN (kanan)

NOMBOR AKAUN BANK XXXXXXXXXXXX

NAMA BANK BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

Saya seperti nama di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma Pembiayaan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan mengikut nombor dan tarikh surat tawaran yang tertera di atas.

Saya bersetuju menerima tawaran Pembiayaan Pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional beras kaedah Ujrah (Upah) seperti yang terkandung dalam surat tawaran tersebut.

Saya juga mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan, kursus/program dan institusi, nombor akaun dan nama bank tertera di atas adalah betul.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan :

Tarikh : / /



Rujuk **TARIKH** yang ditetapkan UniSHAMS (Sesi Penghantaran Dokumen PTPTN)



SURAT KEBENARAN 2

NAMA PENERIMA BIAYA XXXXXXXXXXXXXXXX


NOMBOR KAD PENGENALAN XXXXXXXXXXXXXXXX

ALAMAT
XXXXXXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXX
XXXXXXX

Tarikh / /

Kepada:

Tuan,



Rujuk **TARIKH** yang ditetapkan UniSHAMS
(Sesi Penghantaran Dokumen **PTPTN**)

**KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN GAJI KEPADA MAJIKAN BERKENAAN UNTUK BAYARAN BALIK
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

NOMBOR SURAT TAWARAN : XXXXXXXXXX

TARIKH : 08/09/2014

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada gaji saya untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTP mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pembiayaan Pendidikan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan Pelajar-----
(Tandatangan Penerima Biaya)

960105025203



04441462

SURAT KEBENARAN 3

NAMA PENERIMA BIAYA XXXXXXXXXXXXXXXX

NOMBOR KAD PENGENALAN XXXXXXXXXXXXX

ALAMAT XXXXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXXXXXXXX
XXXXXXXXXXXXXXXX
XXXXXX

Rujuk **TARIKH** yang ditetapkan UniSHAMS (Sesi Penghantaran Dokumen PTPTN)

Tarikh / /

Kepada: **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) / MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) / LAIN-LAIN PENAJA**

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN BIASISWA/DERMASISWA/PEMBIAYAAN/PINJAMAN/TAJAAN ATAU LAIN-LAIN BENTUK BANTUAN KEWANGAN UNTUK BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : XXXXXXXXXX TARIKH : 08/09/2014

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada biasiswa/dermasiswa/pembiayaan pinjaman/tajaan Pendidikan saya yang diperolehi selain daripada PTPTN untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran Pembiayaan Pendidikan PTPTN.


- 2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTP mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.
- 3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pembiayaan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan Pelajar

(Tandatangan Penerima Biaya)



MUHAMAD ALIFF BIN JOHARI (960105025203)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**LEKAT
SETEM
HASIL
RM 10**

1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pembiayaan ANTAR Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perba Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DE Penerima Biaya seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "PENER BIAYA") sebagai pihak kedua. PERJANJIAN INI adalah berasaskan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pembiayaan Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut "Upah Pe Pembiayaan") kepada PENERIMA BIAYA sebagai Penerima Pembiayaan Pendidikan.
2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, PERBADANA dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pembiayaan Pendidikan PENERIMA BIAYA seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "Pembiayaan Tersebut") yang akan dikeluarkan secara berperingkat sep yang dinyatakan dalam Fasal 2 Lampiran Perjanjian ini untuk sepanjang tempoh pengeluaran Pembiayaan yang telah dilulus oleh PERBADANAN. Pembiayaan tersebut akan dikeluarkan oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PENERIMA BIAYA, d bank seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IV Jadual Pembiayaan, yang disahkan oleh PENERIMA BIAYA bernombor seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pembiayaan atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa.
3. PENERIMA BIAYA dengan ini bersetuju untuk membayar balik Pembiayaan Tersebut beserta dengan Upah Peng Pembiayaan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VII Jadual Pembiayaan kepada PERBADANAN dalam tempoh baya balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VIII Jadual Pembiayaan bermula dari Tarikh Permulaan Bayaran Balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IX Jadual Pembiayaan.
4. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti yang dinyatakan di da Bahagian VI Jadual Pembiayaan dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidik dan apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

JADUAL PEMBIAYAAN

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

BIARKAN KOSONG DI RUANGAN INI

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
I)	TARIKH PERJANJIAN	PADA: HARIBULAN: TAHUN: _
II)	NAMA PENERIMA BIAYA	XXXXXXXXXXXXXXXXXX
	NOMBOR KAD PENGENALAN	XXXXXXXXXXXX
III)	PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN	RM 24,000.00
IV)	NAMA BANK	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)
V)	NOMBOR AKAUN BANK	XXXXXXXXXXXX
VI)	NOMBOR SURAT TAWARAN	XXXXXXXXXXXX
VII)	UPAH PENGURUSAN PEMBIAYAAN	RM 3,600.00 (PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)
VIII)	TEMPOH BAYARAN BALIK	15 TAHUN
IX)	TARIKH PERMULAAN BAYARAN BALIK	SECARA ANSURAN BULANAN TIDAK LEWAT DARI ENAM (6) BULAN SELEPAS TAMAT TEMPOH PENGELUARAN PEMBIAYAAN

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma Pembiayaan yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ini termasuk Lampiran Perjanjian Pe Pendidikan yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut Perjanjian ini BERSETUJU menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pembiayaan untuk mematuhi segala syarat dan terma Perjanjian Pembiayaan ini.

Ditandatangani oleh PENERIMA BIAYA

) *Tandatangan Pelajar*)
(Tandatangan PENERIMA BIAYA)

Nama PENERIMA BIAYA:

NAMA PELAJAR

Disaksikan oleh:
Nama Saksi:

**HANYA KAKITANGAN
KERAJAAN/PENGHULU/PENOLONG
PENDAFTAR UniSHAMS SAHAJA**

)

)

No. Kad Pengenalan:

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

)

)
(Tandatangan Saksi PENERIMA BIAYA)

NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

Ditandatangani bagi pihak PERBADANAN

)

.....
(Tandatangan Pegawai PERBADANAN)

Nama Pegawai:

Disaksikan oleh:

Nama Saksi

)

No. Kad Pengenalan:

)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

)

.....
(Tandatangan Saksi PERBADANAN)

BIARKAN KOSONG DIRUANGAN INI



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGINASIONAL**LAMPIRAN PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk menguruskan Pembiayaan Pendidikan, (kemudian daripada ini di "Pembiayaan Tersebut") kepada PENERIMA BIAYA tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Pembiayaan Pendidikan.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

1. PENERIMA BIAYA, dengan ini bersetuju:
 - (a) bahawa PENERIMA BIAYA, akan menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus pengajian yang diikuti menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya serta memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursus pengajiannya di universiti, kolej atau institusi sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN;
 - (b) bahawa PENERIMA BIAYA, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu, akan mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi tersebut;
 - (c) bahawa PENERIMA BIAYA, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu tidak akan -
 - (i) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (ii) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan PENERIMA BIAYA, universiti, kolej atau institusi tersebut; atau
 - (iii) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus universiti, kolej atau institusi tersebut;
 - (d) bahawa PENERIMA BIAYA, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap -
 - (i) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
 - (ii) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan PENERIMA BIAYA, universiti, kolej atau institusi itu;
 - (e) bahawa PENERIMA BIAYA, bertanggungjawab sepenuhnya membayar daripada Pembiayaan Tersebut yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PENERIMA BIAYA mengikuti ku pengajian tersebut;
 - (f) bahawa Pembiayaan Tersebut dikenakan Upah Pengurusan Pembiayaan sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pembiayaan sepanjang tempoh bayaran b yang ditetapkan mulai Tarikh Permulaan Bayaran Balik Pembiayaan Tersebut;
 - (g) bahawa penentuan tarikh sebenar tamat tempoh pengeluaran Pembiayaan dalam Perjanjian Pembiayaan Pendid adalah ditentukan oleh PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya;
 - (h) bahawa PENERIMA BIAYA, hendaklah membayar balik semua Pembiayaan Tersebut beserta Upah Pe Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pembiayaan Tersebut") kepada PERBADANAN berdasarkan kaedah yang ditetapkan;

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

9/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)**PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8**

(i) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan boleh diberikan oleh PERBADAN kepada mana-mana biro Pinjaman/Pembiayaan atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain berkemungkinan berurusan dengan PENERIMA BIAYA dan, pihak PERBADANAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PENERIMA BIAYA; dan

(j) membenarkan PERBADANAN menyiarkan maklumat PENERIMA BIAYA yang gagal menjelaskan K Pembiayaan Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh PERBADANAN di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen, radio dan laman web. PERBADANAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada PERBADANAN atau mana-mana pihak lain.

2. Pembiayaan Tersebut akan dikeluarkan secara berperingkat mengikut kaedah pengajian yang dijalani oleh PENERIMA BIAYA (penggal atau semester) yang dikira secara pro-rata. Jika PENERIMA BIAYA digantung mana-mana penggal semester, atau memperolehi keputusan peperiksaan bagi semester tersebut kurang daripada tahap yang ditetapkan PERBADANAN dari semasa ke semasa, maka PERBADANAN berhak menggantung pengeluaran Pembiayaan Tersebut tempoh penggantungan itu. Pengeluaran Pembiayaan Tersebut boleh atas budi bicara mutlak PERBADANAN disambung semula apabila PENERIMA BIAYA menyambung semula pengajian atau mendapat keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlak menentukan kaedah pengeluaran yang sesuai bagi PENERIMA BIAYA. PERBADANAN juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan sekiranya PENERIMA BIAYA menamatkan pengajiannya lebih awal daripada tempoh penggal Pembiayaan Tersebut.

3. Sekiranya PENERIMA BIAYA perlu untuk menukarkan nombor akaun dan bank kepada yang baru, PENERIMA hendaklah memaklumkan nombor akaun dan bank yang baru itu secara bertulis kepada PERBADANAN secepat mungkin surat berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

4. Untuk melindungi kepentingan PERBADANAN akibat kematian atau apa-apa keilatan kekal menyeluruh yang dialami PENERIMA BIAYA di sepanjang tempoh pengeluaran Pembiayaan Tersebut dan tempoh pembayaran balik Kes Pembiayaan Tersebut, PERBADANAN adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PENERIMA BIAYA perlindungan insurans/takaful k Pembiayaan Tersebut dan PENERIMA BIAYA adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk sumban perlindungan insurans/takaful tersebut. PENERIMA BIAYA adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN memotong terus kos perlindungan insurans/takaful ini daripada Pembiayaan Tersebut yang dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA atau mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun peruntukan di atas, PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menuntut daripada PENERIMA BIAYA, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PENERIMA BIAYA, apa-apa jumlah yang masih terutang kepada PERBADANAN yang tidak dilindungi insurans/takaful.

5. PENERIMA BIAYA yang bekerja dikehendaki membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut melalui kaedah potongan gaji oleh majikan yang diuruskan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sebarang kelonggaran kepada Fasal ini adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak PERBADANAN.

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

10/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

6. Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik oleh PERBADANAN menjadi ejen pemungutan un dan bagi pihak PERBADANAN untuk mendapatkan pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang kena dibayar balik oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PENERIMA BIAYA bekerja untuk memotong daripada gaji PENERIMA BIAYA apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PENERIMA BIAYA bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik PENERIMA BIAYA yang bekerja sendiri, PENERIMA BIAYA hendaklah membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik mengikut amaun bayaran bulanan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan atau di dalam notis bayaran balik yang dihantar kepada PENERIMA BIAYA.
7. PERBADANAN berhak mengenakan Upah Pengurusan Pembiayaan sebanyak 1% setahun atau apa-apa kad ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pembiayaan sepanjang tempoh bayaran balik ditetapkan mulai Tarikh Permulaan Bayaran Balik Pembiayaan Tersebut.
8. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 6 boleh menjejaskan hak dan kuasa PERBADANAN untuk menuntut baya balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut terus daripada PENERIMA BIAYA.
9. Bagi PENERIMA BIAYA yang gagal membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut menurut Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, PERBADANAN boleh memberi notis kepada PENERIMA BIAYA supaya membayar balik sekaligus bak Keseluruhan Pembiayaan Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak.
10. Bagi PENERIMA BIAYA yang lewat membayar mana-mana ansuran bulanan sebagaimana yang diteta PERBADANAN, PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab untuk membayar ta'wid (pampasan) kepada PERBADANAN dikir pada kadar 1% setahun atas baki bulanan di atas amaun yang lewat dibayar. Amaun ta'wid (pampasan) terhadap kele membayar adalah dikira dari tarikh ansuran kena dibayar sehingga bayaran diterima oleh PERBADANAN
11. PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab untuk;
- a) memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini bekerjanya dan pendapatannya dengan serta merta kepada PERBADANAN dari semasa ke semasa; dan
 - b) memaklumkan kepada majikan tempat PENERIMA BIAYA bekerja bahawa PENERIMA BIAYA adalah pembiayaan pendidikan PTPTN.
12. PENERIMA BIAYA hendaklah mengemukakan semula Borang Maklumat Potongan Gaji kepada PERBADANAN jika berlaku pertukaran majikan PENERIMA BIAYA.

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

11/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

13. PENERIMA BIAYA bertanggungjawab memberitahu PERBADANAN secara bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepadanya berjalannya kursus pengajian yang baginya Pembiayaan Tersebut di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan telah diberi selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan selainnya yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang pe biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang pengeluaran wang terse diluluskan oleh Kerajaan untuk tidak dikenakan cukai pendapatan. Apabila PERBADANAN menerima notis itu PENERIMA BIAYA, PERBADANAN adalah berhak untuk menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah sela berkenaan dengan Pembiayaan Tersebut dan meminta PENERIMA BIAYA membayar balik apa-apa jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepadanya dengan serta-merta termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan. Kegagalan PENERIMA BIAYA memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran terhadap Perjanjian Pembiayaan Pendidikan PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bert kepada PENERIMA BIAYA. Jika Perjanjian ditamatkan di bawah Fasal ini, PENERIMA BIAYA hendaklah bertanggung membayar balik sekaligus jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepada PENERIMA BIAYA termasuk Upah Penguru Pembiayaan.

14. Tanpa menjejaskan Fasal 13 Lampiran ini, PERBADANAN boleh atas budi bicara mutlaknya meminta PENERIMA BIA menjelaskan apa-apa jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepadanya termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan sama ad melalui ansuran bulanan atau pemotongan sejumlah amaun yang dipersetujui daripada penaja PENERIMA BIAYA yang baru sama ada agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang dinyatakan di bawah Fasal 13 Lampiran ini.

15. Jika PENERIMA BIAYA melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pemb Pendidikan, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan denga itu tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik sekaligus ke atas Keseluruhan Pembiayaan Tersebut termasuk ta'wid (pampasan) daripada PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan PENERIM BIAYA tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa manfaat Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

16. Walau apa pun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PENERIMA BIAYA:

- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu sama ada secara sukarela, atau disebabkan kegagalan;
- (b) disabitkan dengan pelanggaran apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PENE BIAYA;
- (c) menukarkan kursus pengajian, tanpa persetujuan bertulis PERBADANAN;
- (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
- (e) diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau
- (f) memperoleh kewarganegaraan asing atau menggunakan hak kewarganegaraan asing atau telah mengisytiharkan taat setia kepada negara lain selain Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia; atau
- (g) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ditamatkan.

PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bert kepada PENERIMA BIAYA dan PENERIMA BIAYA hendaklah bertanggungjawab membayar balik jumlah Pembiayaan Terseb yang dikeluarkan kepada PENERIMA BIAYA termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan sekaligus.

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

12/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)**PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8**

17. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlakny tanpa memberi s pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan pada bila-bila masa, jika PERBADANAN mendapati PENERIMA BIAYA memberi maklumat palsu atau tidak tepat dalam apa-apa dokum dikemukakan dan dengan ini segala manfaat bagi dan tanggungan PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pe Pendidikan adalah terhenti tanpa menjejaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali apa-apa Pembiayaan yang tela dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.
18. Tanpa menjejaskan Fasal 6 Lampiran ini, jika PERBADANAN menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan w yang kena dibayar oleh PENERIMA BIAYA ke atas Keseluruhan Pembiayaan Tersebut kepada PERBADANAN selain daripa yang ditetapkan di bawah Fasal 6, PENERIMA BIAYA adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan unt membenarkan PERBADANAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PENERIMA BIAYA kemudian nanti pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak PERBADANAN. PERBADANAN adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah kadar Upah Pengurusan Pembiayaan, cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran bal dengan serta-merta bagi Keseluruhan Pembiayaan Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlakny tanpa memberi apa-apa sebab baginya. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana-ma Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PENERIMA BIAYA bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut.
19. PENERIMA BIAYA dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada PERBADANAN apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PENERIMA BIAYA kepad PERBADANAN atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.
20. PENERIMA BIAYA dengan ini memberi kebenaran kepada PERBADANAN untuk menghubungi bank PENERIMA BIA Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi lai untuk mendapatkan maklumat berkaitan PENERIMA BIAYA apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan P Pembiayaan Pendidikan.
21. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pembiayaan Pendidikan hendaklah ditanggung dan dib PENERIMA BIAYA.
22. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh PERBADANAN atau wakil dilantik oleh PERBADANAN berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ataupun pemberian masa oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA, tidak akan dengan apa cara memudaratkan, memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa PERBADANAN di bawah Perjanjian Pem Pendidikan, begitu juga sebarang penepian oleh PERBADANAN akan pelanggaran oleh PENERIMA BIAYA tidak akan bertinda sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.
23. Walau apa pun yang tersebut di atas, sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ad atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah ap jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang la tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.
24. PERBADANAN adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan melaksanakan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan PERBADANAN yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan menjadi m termasuklah perubahan-perubahan dasar Kerajaan yang di luar kawalan PERBADANAN.

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

13/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

25. Sebarang notis yang hendak diberi oleh PERBADANAN mengenai pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Terse kepada PENERIMA BIAYA termasuk Saman, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang kepada PENERIMA BIAYA jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar atau ditinggalkan di alam seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan atau kepada alamat terkini yang diberikan oleh PENERIMA BIAYA secara bertulis kepada PERBADANAN di bawah Fasal 11 dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PENERIMA BIAYA selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut diposkan.
26. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN hendaklah secara bertulis menjadi penyampaian yang cukup kepada PERBADANAN jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos at berdaftar kepada PERBADANAN di alamat seperti yang tersebut dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama d Perjanjian Pembiayaan Pendidikan. Jika berlaku pertukaran alamat, PERBADANAN akan memaklumkan perkara tersebut kepada PENERIMA BIAYA.
27. Sebarang pertukaran alamat di pihak PERBADANAN akan dimaklumkan kepada PENERIMA BIAYA
28. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlakny memin atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.
29. Seseorang PENERIMA BIAYA yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pembii Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis tiga (3) bulan kepada PERBADANAN. PERBADANAN boleh mengikut bicara mutlakny meminta PENERIMA BIAYA untuk membuat bayaran balik sekaligus Keseluruhan Pembiayaan T sebelum PENERIMA BIAYA meninggalkan Malaysia.
30. Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PENERIMA BIAYA adalah deng bersetujui untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah sebagaimana ditentukan oleh PERBADANAN dan PENERIMA BIAYA adalah dengan ini mengeneipkan sebarang bantahan terhadap apa-a tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang Malaysia sama ada atas alasan lokasi ata forum yang menyusahkan.
31. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlakny tanpa memberi s pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau ma mana Pembiayaan PENERIMA BIAYA dengan PERBADANAN dan PERBADANAN boleh menolak atau memindahkan apa-a jumlah Pembiayaan termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan bagi mana-mana Pembiayaan PENERIMA BIAYA PERBADANAN mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh PERBADANAN patut dikenakan.
32. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas, PERBADANAN adalah berhak menurut budi bicara mutlakny menarik balik kemudahan Pembiayaan Tersebut sekiranya pada p PERBADANAN munasabah dan PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab menjelaskan sekaligus baki Kes Pembiayaan Tersebut yang masih ada dari tarikh notis dikeluarkan oleh PERBADANAN.
33. PENERIMA BIAYA adalah dengan ini bersetuju bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dan telah diperakui sah oleh Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberikuasa memperakuinya hendaklah tanpa sebarang kesilapan nyata menjadi bukti konklusif mengenai amaun Pembiayaan Pendidikan yang belum dijelaskan dan kena dibayar oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN bagi tujuan bayaran balik Pembiayaan Pendidikan tersebut.
34. Perjanjian ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi dan penerima-penerima serahak PENERIMA BIAYA yang sah.
35. Masa adalah menjadi perkara asas di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

Tandatangan ringkas

Tandatangan Pelajar

T.T Penerima Biaya

14/14



NAMA PELAJAR (NO.K/P)

PTPTN-P-03/10-2009 Pin.8

LAMPIRAN A

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian

Saya **NAMA PELAJAR**, No
Kad Pengenalan **NO.K/P**, rujukan surat tawaran
..... dengan ini mengaku bahawa menerima satu salinan
surat tawaran dan dokumen perjanjian pinjaman pendidikan PTPTN untuk
simpanan saya melalui serahan bertarikh ____ / ____ / ____

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Pelajar

(NAMA PELAJAR)Tarikh: Rujuk **TARIKH** yang ditetapkan UniSHAMS (**Sesi Hantar Dokumen Perjanjian PTPTN**)

Nota: Akuan ini hanya untuk kegunaan PTPTN sahaja